

01/10/1997

Perkenal peraturan niaga mata wang: PM (HL)

Manja Ismail in Santiago

SANTIAGO, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan supaya diperkenalkan peraturan bagi mengawal perniagaan mata wang supaya urusannya lebih terbuka dan tidak lagi negara menjadi mangsa manipulasi.

Menurutnya, penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah itu, yang kini dihadapi negara Asia Tenggara dan akan menimpa negara pesat membangun lain termasuk di Amerika Selatan ialah dengan memperkenalkan perniagaan mata wang yang sempurna.

Bagi langkah jangka pendek, Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa mengkaji secara terperinci kesan perniagaan mata wang untuk mengimbangkan perdagangan negara supaya ekonomi pulih semula.

Bagaimanapun, usaha itu akan mengambil masa panjang kerana Malaysia telah ditolak 15 tahun ke belakang dan terpaksa bangun semula. Pendapatan per kapita Malaysia turun daripada RM15,000 (AS\$5,000) kepada RM11,520 (AS\$3,600) sekarang.

Sehubungan itu, beliau meminta masyarakat dunia memperkenalkan peraturan khusus mengawal perniagaan mata wang seperti dilakukan terhadap pasaran komoditi, perak dan emas yang masing-masing mempunyai pasaran tersendiri.

"Jika anda mahu berniaga komoditi, ada pasaran komoditi, jika anda mahu berniaga logam, ada pasaran logam tetapi bila anda berniaga mata wang, tidak ada pasaran khusus.

"Malah anda tidak tahu di mana mereka berurusan, bagaimana mereka berniaga, sebanyak mana wang yang diniagakan dan siapa yang berdagang. Ia tertutup rapat. Oleh itu, jika negara seperti Malaysia mahu terus selamat, kami memerlukan perdagangan terbuka.

"Wujudkan satu pasaran terbuka, perkenalkan peraturan dan undang-undang, daftarkan peniaga terbabit, umumkan jumlah wang yang mereka miliki untuk diniagakan. Dengan itu tidak akan ada lagi manipulasi," katanya dalam sidang akhbar pada hari kedua lawatan rasminya ke Chile, petang semalam.

Dr Mahathir, yang pandangannya mengenai perniagaan mata wang ketika berucap di mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa di Hong Kong minggu lalu mendapat kecaman media asing, sedar bahawa setiap kali beliau membuka mulut mengenai perkara itu, ringgit semakin turun.

"Selepas ucapan malam esok, ia menjadi lebih buruk. Ini kerana kami dihukum kerana bercakap mengenai ketamakan. Kami tidak sepatutnya bercakap soal tamak...kami tidak seharusnya berkata perkara yang mereka tidak suka.

"Jika anda berkata demikian, mata wang negara anda akan jatuh. Saya katakan sesuatu di Hong Kong, mata wang jatuh. Saya berkata sesuatu yang mereka tidak suka di Kuala Lumpur, mata wang jatuh. Saya cakap perkara yang mereka suka, mata wang naik," katanya merujuk kepada soalan mengenai kedudukan ringgit dalam tempoh terdekat ini.

Perdana Menteri akan berucap di mesyuarat antarabangsa ke-12 Majlis Ekonomi Pasifik (PECC) malam ini, berkata punca sebenar kejatuhan nilai mata wang di negara Asia Tenggara ialah peniaga mata wang melihat peluang untuk mengaut keuntungan.

"Itu sahaja sebab utamanya. Bagi mencari alasan, mereka mendakwa ekonomi kami tidak diuruskan dengan sempurna dan jatuh. Kerana ekonomi kita tidak diurus sempurna dan kita jatuh, mereka pastikan kita benar-benar jatuh dengan menarik tikar di kaki kita...

"Mereka mencurahkan sejumlah besar wang ke pasaran sehingga menekan nilai mata wang kami dan menyebabkan perkara yang mereka sendiri katakan tidak ingin melihat...iaitu untuk menjatuhkan ekonomi kita sendiri," katanya.

Dengan memetik laporan Bank Dunia bertarikh 17 Jun lalu, Dr Mahathir menegaskan, ekonomi Malaysia masih kukuh tetapi pada masa yang sama, pengurus dana berpendapat asas ekonomi Malaysia lemah.

"Oleh itu, ia bukanlah kelemahan. Ia hanyalah peluang (untuk mengaut keuntungan)...kerana ekonomi Malaysia berkembang dengan baik bagi membolehkan mereka menodainya," kata Dr Mahathir.